

20 MAY 1999

Kadir-Lantik

KADIR ANGGAP PELANTIKAN BERI PELUANG LEBIH LUAS UNTUK BERKHIDMAT

SHAH ALAM, 20 Mei (Bernama) -- Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir yang diumumkan sebagai Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang baru berkata kepercayaan Perdana Menteri itu akan membuka peluang yang lebih luas kepadanya untuk berkhidmat kepada kerajaan dan rakyat dengan cara yang lebih berkesan.

Abdul Kadir, kini Timbalan Menteri Dalam Negeri, akan mengambil alih jawatan Datuk Seri Sabbaruddin Chik dalam rombakan Kabinet yang diumumkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Sambil mengucapkan terima kasih atas kepercayaan yang diberikan oleh Dr Mahathir kepadanya, Abdul Kadir berkata kedudukan sebagai menteri Kabinet itu juga akan membolehkan beliau menyumbang tenaga dengan lebih berkesan ke arah memajukan negara.

Beliau berkata demikian pada persidangan berita selepas merasmikan pelancaran program peningkatan kemahiran sendiri pelajar peringkat kebangsaan di Sekolah Menengah Kebangsaan Seksyen 24, di sini hari ini.

Abdul Kadir berkata beliau telah berkerja keras dan melalui perjalanan yang amat panjang dalam politik sebelum diberi kepercayaan menjadi menteri penuh.

"Saya berada dalam Umno sejak 43 tahun lepas, pegang jawatan presiden Kelab Umno yang pertama di luar negeri pada tahun 1969, jadi Exco Pemuda Umno 10 tahun, Ahli Majlis Tertinggi 17 tahun, Setiausaha Parlimen setahun dan lepas itu jadi Timbalan Menteri 16 tahun," katanya.

Abdul Kadir lalu menasihatkan mereka yang baru berkecimpung dalam pergerakan parti supaya tidak terlalu mengharap untuk mencapai sesuatu dalam perjuangan mereka dalam masa yang singkat.

"Saya sendiri pada tahun 70 sudah jadi peguam. Waktu itu tidak ramai sangat graduan dalam parti saya dan kalau nak naik, boleh naik dengan cepat. Tapi saya juga terpaksa atur langkah satu demi satu untuk sampai ke sini," katanya.

"Dalam politik tidak boleh kita harap cepat sangat untuk dapat peluang.

"Kita kena ikhlas, masuk parti untuk berkhidmat dan bukannya untuk kepentingan diri.

"Saya sendiri merasa amat bernasib baik kerana dapat berkhidmat dengan semua Perdana Menteri," katanya.

Katanya sepanjang pembabitannya dalam politik, beliau telah melihat pelbagai perubahan yang dilalui oleh Umno dari dahulu sehingga kini.

Beliau turut menyatakan komitmennya untuk terus menjadikan Umno sebagai tulang belakang politik negara.

Merujuk kepada Kementerian Dalam Negeri yang akan ditinggalkannya beliau berkata ia merupakan satu kementerian yang amat penting dan banyak kerja yang perlu dilakukan.

Katanya beliau amat berharap dapat membantu Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga merupakan Menteri Dalam Negeri untuk menggerakkan pelbagai kegiatan anjuran kementerian itu.

"Kerjanya amat mencabar, tetapi para pegawainya telah memberikan kerjasama yang amat baik kepada saya dan semua mereka kuat bekerja," katanya.

Tempat Abdul Kadir di Kementerian Dalam Negeri akan diisi oleh Datuk Azmi Khalid yang kini Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

-- BERNAMA

AZH NMO

